

Dr. Mahathir minta Barat jangan kacau Malaysia membangun

U.M. 16 OCT 1992

Daripada
Khalid Mohd.

HONG KONG 15 Okt — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad meminta negara-negara Barat khususnya Amerika Syarikat supaya 'jangan kacau Malaysia' buat sementara waktu bagi membolehkannya membangun tanpa sebarang gangguan.

Tegasnya, sebagai sebuah negara sedang membangun, Malaysia perlukan kestabilan dan sokongan daripada semua pihak, bukan gangguan dan rintangan.

Pada peringkat ia sedang membangun sekarang, kata beliau, Malaysia juga tidak perlu disogokkan dengan segala macam nilai Barat dalam mengukur demokrasi, hak asasi manusia dan sebagainya.

Perdana Menteri membuat permintaan ini dalam sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapannya di Forum Ekonomi Eropah/Asia Timur anjuran Forum Ekonomi Dunia di sini, malam tadi. Lebih 200 ahli perniagaan dan ketua eksekutif terkemuka dunia menghadiri forum tersebut.

Dr. Mahathir berkata: "Sepatutnya mereka (Barat) memberi peluang kepada kita untuk membangun dahulu. Bila kita sudah setaraf dengan mereka, ketika itu bolehlah mereka kenakan 'syarat' yang sesuai dengan tafsiran mereka tentang demokrasi, hak asasi dan sebagainya."

Diminta menghuraikan tentang 'gangguan-gangguan' yang dihadapi oleh Malaysia

semasa beliau menemui para wartawan sebelum berlepas ke Jepun pagi ini, Perdana Menteri berkata:

"Mereka hendak paksa kita supaya membayar gaji yang begitu tinggi sehingga kita tidak boleh bersaing dengan mereka. Ini adalah satu usaha untuk menjejaskan pembangunan negara kita."

Bagaimanapun katanya, jika Malaysia melakukan sesuatu yang betul-betul tidak baik, ia sedia menghadapi tindakan.

"Malangnya mereka tidak berbuat apa-apa tentang kekejaman di Bosnia...kenapa tidak berikan tumpuan kepada masalah di negara itu...apakah keadaan teruk sangat di Malaysia," beliau bertanya.

Selain itu katanya, diadakan pula apa yang dipanggil 'Asia Watch' yang kononnya memerhati segala apa yang Malaysia buat "seolah-olah kita berada di bawah mikroskop. Kalau silap sikit mereka akan pulas tangan kita...ini tidak adil."

Mereka juga, katanya, akan mengenakan sekatan perdagangan untuk ganggu pertumbuhan Malaysia jika mereka membuat kesimpulan bahawa negara tidak menepati kehendak mereka.

Kerana sebab-sebab inilah, kata Perdana Menteri, beliau meminta supaya Malaysia tidak dikacau, buat sementara waktu, dalam proses pembangunannya.